

## **Abstrak**

Disertasi ini membincangkan mengenai tajuk, "Penggunaan Masdar Di Kalangan Pelajar Melayu: Satu Kajian Kes." Kajian disertasi ini turut menyentuh dan mengesan punca-punca kelemahan dan kekeliruan pelajar dalam menguasai pola-pola, jenis-jenis dan fungsi-fungsi Masdar. Penggunaan Masdar di kalangan pelajar masih di tahap minimum sama ada dalam penulisan ataupun pertuturan mereka.

Bab satu disertasi ini membincangkan mengenai permasalahan kajian, tinjauan kajian lampau, objektif, kepentingan, metodologi, batasan, hipotesis dan rangka kajian. Bab dua pula membicarakan mengenai definisi Masdar, jenis-jenis, pola-pola, perbezaan di antara Masdar dan ism Masdar serta fungsi kedua-duanya, hubungan Masdar dengan elemen-elemen lain seperti *Mubtada'*, *Khabar*, *Hal*, *Ism Tafdil* dan sebagainya.

Bab tiga menumpukan kepada definisi nahu Arab, dasar-dasar pengajaran nahu, pendekatan, kaedah, teknik dan strategi pengajaran nahu. Bab empat pula memfokuskan tentang analisis data, soal selidik, temubual, kategori kesilapan dan peratusannya dalam penggunaan Masdar sekaligus membuktikan kesahihan hipotesis yang terkandung dalam bab satu.

Bab lima dan terakhir adalah rumusan dan saranan penting. Beberapa penyelesaian turut disaran dan dicadangkan bagi mengatasi segala permasalahan yang timbul. Melalui kajian analisis yang dikemukakan dalam disertasi ini, beberapa bentuk kesilapan dan kesukaran dalam aspek penggunaan Masdar di kalangan pelajar Melayu di Kolej IKIP, Kuantan, telah dikenal pasti. Kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pelajar bukan sahaja tertumpu kepada penggunaan Masdar sahaja tetapi turut melibatkan penggunaan aspek lain dalam sintaksis bahasa Arab.

## **Abstract**

This dissertation is discussing on the matter relating to "The Usage Of Masdar Among the Malay Students: A Case Study." This research is also trying to detect the turning point which renders the student to misunderstand the rhythm, types and functions of Masdar. It is a fact that the correct usage of Masdar among this group is in the minimum level especially in writing and speaking.

The first chapter of this dissertation is touching on the statement of problem, literature review, objectives, its significance, methodology, restriction, hypothesis and draft of the study. The second chapter is about the definition of Masdar, types, rhythm, differences between Masdar and ism Masdar, their functions and its relations with other elements such as *Mubtada'*, *Khabar*, *Hal*, *Ism Tafdid* and others.

The third chapter is concentrating on the definition of Arabic grammar, basic principles of Arabic grammar, approaches, methods, techniques and strategies in Arabic grammar teaching. The fourth chapter is focusing on the data analysis, questionnaires analysis, interview, the categories of errors and the percentage of Masdar usage which altogether prove the hypothesis made in the first chapter.

The fifth chapter or the last chapter is about conclusion and important recommendation. A number of solutions is put forward to cater the arising problem. Through the analysis made, a number of errors usage of Masdar among the Malay students in IKIP College as well as the difficulty are recognized. The mistake is not only done in term of Masdar, but also in other aspects of Arabic Syntax.